

25/09/2001

Ratib 1000 Syair pecah tradisi

DUNIA sastera tanah air akan memecah tradisinya apabila berlangsung acara Ratib 1000 Syair (RSS) kali pertama dalam sejarah negara ini pada malam 2 November ini.

Jurucakap RSS, Razali Mohd Yussof, berkata acara yang akan berlangsung di halaman Rumah Gapena dan Rumah Pena, Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, dijadualkan disertai sekurang-kurangnya 250 deklamator dan penyair.

"Persembahan puisi bebas ini akan disertai beberapa tokoh masyarakat termasuk mereka daripada seniman, artis, ahli politik, ahli perniagaan, birokrat dan teknokrat," katanya.

Razali berkata, penganjur tidak menetapkan sebarang format penyampaian untuk puisi yang dipersembahkan pada RSS dan ia boleh disampaikan dalam bentuk bacaan, deklamasi, nyanyian serta gurindam.

"RSS bertujuan menghimpunkan penyair, penulis dan peminat sastera tanah air dalam satu 'keluarga'.

Mereka diharapkan mencipta dan mendeklamasikan puisi yang menggambarkan keharmonian serta kecintaan tanah air," katanya.

Gabungan Persatuan Penulis Nasional (Gapena) selaku penganjur turut mengharap RSS akan dapat mencipta sejarah dalam pengucapan puisi di Malaysia dan berjaya mencatat sejarah dalam Malaysia Book of Records.

RSS mendapat kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Istana Budaya, Berita Harian, Utusan Malaysia, RTM dan TV3.

Razali berkata, Gapena berharap warga penyair pelbagai kaum dari seluruh Malaysia menyokong padu bagi menjayakan program yang diadakan sempena Pertemuan Sasterawan Malaysia Kedua pada 1 hingga 2 November ini.

"Penyair perlu menghantar puisi terbaru yang sederhana panjangnya dan belum pernah tersiar kerana ia akan dibukukan untuk dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Mereka yang berminat boleh menghantar puisi mereka pengajur RSS di alamat Rumah Gapena, JKR 743, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur atau telefon 03-21442412 atau faksimile 03-21410340.

Keterangan lanjut mengenai RSS boleh diperolehi dengan menelefon Razali (012-6656349) atau Borhan Md Zain (019-3400179) dan tarikh tutup penyertaan pada 30 September.

(END)